

08 AUG 1997

Kesihatan-Peranginan

PUSAT PERANGINAN KESIHATAN DI LANGKAWI BAGI PESAKIT LEPAS PEMBEDAHAN

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Sebuah pusat peranginan kesihatan untuk pesakit-pesakit yang telah menjalani pembedahan dijangka memulakan perkhidmatan di Langkawi dalam tempoh dua tiga tahun lagi.

Pusat peranginan kesihatan itu, yang pertama di Asia, akan menggunakan konsep perubatan tradisional Jerman yang antara lain menawarkan ubat-ubatan tradisional perubatan Melayu, Cina, India dan Islam.

Satu perjanjian persefahaman mengenai penubuhan pusat peranginan kesihatan itu ditandatangani hari ini antara PROMTO Berhad, Kumpulan Penjagaan Kesihatan Antarabangsa untuk Pemulihan (IHGFR) dari Jerman dan Langkawi Healthcare Sdn Bhd, disaksikan Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid di sebuah hotel di sini.

PROMTO diwakili pengerusinya Datuk Hanafi Ramli, IHGFR oleh Ketua Pengarah Eksekutif Wolfgang Schmidt dan pengerusi Dr Richardus Budiman manakala Langkawi Healthcare oleh pengarahnya Azizan Khalib.

Sanusi memberitahu wartawan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyokong projek itu, telah memilih tapak bagi pusat peranginan kesihatan itu di Langkawi, tetapi Sanusi enggan mengumumkan tempat itu buat masa ini.

Sanusi berkata cadangan membawa pusat peranginan kesihatan itu ke Langkawi timbul semasa Hanafi jatuh sakit dan mendapatkan rawatan di kemudahan seumpama itu di Jerman, di pusat perubatan yang turut merawat Presiden Indonesia, Suharto.

Berpuas hati dengan pengalamannya di Jerman, Hanafi kemudian membincangkan cadangan itu dengan Sanusi dan seterusnya mereka melawat Jerman untuk membincangkan pelaksanaan projek seumpama itu di Langkawi dengan pihak-pihak berkaitan.

"Keuzuran Hanafi ada hikmahnya," katanya.

Sanusi berkata kerajaan akan memastikan supaya pusat peranginan kesihatan itu mampu digunakan oleh seberapa banyak orang menerusi kadar yang berbeza-beza.

Hanafi berkata pusat peranginan kesihatan itu dijangka dimajukan dalam tempoh dua hingga tiga tahun dengan pelaburan permulaan kira-kira RM200 juta.

"Kami menjangkakan pemulangan modal daripada pelaburan itu dalam tempoh enam hingga tujuh tahun," katanya.

Pusat peranginan kesihatan secara menyeluruh itu mula dimajukan oleh Schmidt, seorang ahli ekonomi Jerman pada 1996. Ia merangkumi perubatan berteknologi tinggi, perubatan pemulihan pesakit luar bersama-sama teknik meditasi, penyembuhan secara kerohanian, ubat herba dan pemakanan kesihatan tradisional. -- BERNAMA

AFY AHH